

MAHATHIR-MAS

1979

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERHAJAT MEMBURUKKAN LAGI KRISIS MAS SEKARANG DAN IA TELAH BERTINDAK WAJAR MENGENAI SOAL TERSEBUT, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA KERAJAAN BOLEH BERTINDAK SECARA TIDAK BETUL JIKA IA MAHU.

+ORANG-ORANG LAIN TELAH BERTINDAK SECARA TIDAK BETUL, TETAPI INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN JUGA PATUT BERTINDAK DEMIKIAN,+ KATANYA, JELAS DIMAKSUDKAN KEPADA PESAWAT MAS DC-10 YANG TERKANDAS DI SYDNEY.

MENGENAI KEMUNGKINAN LANGKAH-LANGKAH TINDAK BALAS BERIKUTAN DENGAN KEJADIAN DI SYDNEY ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA SEDANG MENGAJAI SOAL ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA: +KITA TIDAK BERTINDAK MEROSAKKAN PERDAGANGAN NEGARA LAIN.+ -- BERSAMBUNG 1458/LK

B573:

MAHATHIR-MAS 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI GESAAN OLEH BERBAGAI KESATUAN ANTARABANGSA UNTUK MEMBEBAHKAN 22 ANGGOTA KESATUAN KAKITANGAN PENERBANGAN (AEU) DAN ENCİK DONALD UREN, WAKIL SERANTAU PERSEKUTUAN PEKERJA PENGANGKUTAN ANTARABANGSA (ITF), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA:

+KITA MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG SENDIRI DAN TIDAK ADA SESIAPAPUN DAPAT MEMBERITAHU KITA JENIS UNDANG-UNDANG YANG PATUT KITA ADAKAN DAN LAKSANAKAN.+

KATANYA UNDANG-UNDANG MALAYSIA MELIPUTI SEMUA ORANG, TERMASUK MENTERI-MENTERI. -- BERNAMA 1500/LK